



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,  
No. 46 Jalan Dungan, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000  
F +603 2095 2121  
www.mymrt.com.my



# SIARAN MEDIA

## PEMERIKSAAN MRT LALUAN PUTRAJAYA OLEH YB MENTERI PENGANGKUTAN

**Kuala Lumpur, 7 Februari 2023:** Menteri Pengangkutan YB Tuan Loke Siew Fook telah mengadakan satu lawatan kerja hari ini untuk memeriksa kesiagaan operasi MRT Laluan Putrajaya, tatkala pemeriksaan akhir Fasa Dua jajaran kini sedang rancak berjalan.

Lawatan bermula dari Stesen MRT Putrajaya Sentral di mana stesen ini merupakan stesen pertukaran yang menghubungkan laluan ERL KLIA Express dan Transit. YB Menteri telah disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp YBhg Datuk Zarif Hashim.

Turut serta semasa pemeriksaan tersebut ialah Timbalan Menteri Pengangkutan YB Datuk Haji Hasbi Habibollah, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan YBhg Dato' Jana Santhiran Muniayan, Pengerusi Prasarana Malaysia Berhad YBhg Tan Sri Jamaludin Ibrahim dan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad Encik Mohd Azharuddin Mat Sah, dan Ketua Pengarah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) YBhg Datuk Azlan Shah Al Bakri.

Turut hadir ialah ahli-ahli Pengurusan Kementerian Pengangkutan, Lembaga Pengarah dan Kepimpinan MRT Corp, Lembaga Pengarah dan Kepimpinan Kanan Prasarana Malaysia Bhd, dan wakil daripada MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd yang merupakan kontraktor *turnkey*.

Dari Stesen MRT Putrajaya Sentral, YB Menteri dan delegasi menaiki tren MRT yang melalui koridor Laluan Putrajaya. Laluan ini akan memberi khidmat kepada 2 juta penduduk dari Putrajaya sehingga ke Kwasa Damansara yang merupakan sebuah pembangunan perbandaran masa hadapan di barat laut Kuala Lumpur.

Sewaktu di stesen dan juga dalam perjalanan, YB Menteri telah memeriksa kemudahan sejangat di dalam tren, seterusnya memerhatikan sebuah simulasi oleh kakitangan Rapid Rail berkenaan penggunaan kemudahan bagi penumpang kurang upaya secara sendiri dan dengan bantuan kakitangan stesen.

Tren MRT yang dinaiki oleh delegasi telah melalui Stesen MRT Cyberjaya City Centre yang berhampiran dengan Universiti Lim Kok Wing dan seterusnya melalui sebahagian kawasan Universiti Putra Malaysia ke Stesen MRT UPM.



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,  
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000  
F +603 2095 2121  
www.mymrt.com.my



Dengan adanya jajaran MRT Laluan Putrajaya ini, para pelajar di kedua-dua institusi pengajian tinggi tersebut bakal mendapat manfaat apabila operasi penuh bermula.

Tren MRT yang dinaiki delegasi juga melalui dua stesen di Bandar Malaysia, iaitu Stesen MRT Bandar Malaysia Utara dan Stesen MRT Bandar Malaysia Selatan – dua daripada tujuh stesen yang dicadangkan untuk pembangunan masa hadapan (*provisional stations*) sepanjang Laluan Putrajaya. Dalam mereka bentuk rangkaian rel metro, adalah penting untuk melibatkan stesen yang dibina untuk kegunaan masa hadapan, kerana ianya kunci untuk pembangunan berorientasikan transit (TOD) masa hadapan.

YB Menteri dan delegasi kemudiannya melalui Stesen MRT TRX di pusat bandar, yang bakal berfungsi sebagai stesen pertukaran penting dengan laluan pertama iaitu MRT Laluan Kajang. Ia juga merupakan destinasi yang dijangkakan akan menjadi pusat kewangan Kuala Lumpur.

Sebaik sahaja Laluan Putrajaya beroperasi sepenuhnya, penumpang akan mengambil masa lebih kurang 40 minit dari stesen terminus ke pusat bandar. Ini memberi penyelesaian kepada isu trafik yang semakin meningkat di Lembah Klang, terutamanya pada waktu puncak.

Menyusuri jajaran tersebut, tren MRT telah membawa delegasi melalui Stesen MRT Ampang Park yang berhubung dengan Stesen LRT Ampang Park. Stesen ini merupakan salah sebuah stesen yang paling sibuk dan juga merupakan stesen pertukaran utama di Laluan LRT Kelana Jaya.

Melalui Stesen MRT Ampang Park, penumpang yang menaiki LRT Laluan Ampang dan Sri Petaling yang ingin menuju ke destinasi mereka tanpa melalui *Central Business District*, boleh menggunakan perkhidmatan MRT Laluan Putrajaya untuk pertukaran yang lancar. Ini juga boleh membantu mengurangkan trafik semasa di antara Stesen LRT Bandaraya dan Masjid Jamek.

Sewaktu tren menyusuri jajaran, YB Menteri dan rombongan telah berhenti di Stesen MRT Titiwangsa untuk memeriksa kemudahan stesen dan meninjau jejantas pejalan kaki yang menghubungkan Stesen MRT Titiwangsa dengan LRT Laluan Ampang dan Sri Petaling, serta Monorel KL.

Mengulas mengenai kemudahan MRT yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai, YB Menteri berkata orang ramai yang perlu mengakses kemudahan seperti hospital dan universiti tidak lama lagi akan dapat menaiki MRT ke destinasi mereka tanpa melalui kesesakan lalu lintas ataupun menghadapi masalah parkir kenderaan.

YB Menteri telah memetik Hospital Kuala Lumpur sebagai contoh kemudahan hospital yang mudah diakses melalui Stesen MRT HKL.

Dari Stesen MRT Titiwangsa, delegasi tersebut telah melalui Laluan Putrajaya Fasa Satu semasa dalam perjalanan ke Stesen MRT Kwasa Damansara bagi meninjau kesinambungan operasi tren dari fasa kedua ke fasa pertama.

Rombongan tersebut kemudiannya turun di Stesen MRT Kwasa Damansara dan menaiki Bas Pengantara MRT untuk meninjau laluan ke Depoh MRT di Sungai Buloh. Di Depoh, YB



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,  
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000  
F +603 2095 2121  
www.mymrt.com.my



Menteri telah meninjau Pusat Kawalan Operasi (Operation Control Centre) yang berfungsi sebagai pusat kawalan bagi kedua-dua Laluan MRT Kajang dan Putrajaya.

Dalam ucapannya kepada media, YB Tuan Loke Siew Fook berkata pembukaan MRT Laluan Putrajaya telah lama dinantikan oleh rakyat Malaysia yang menetap di Lembah Klang kerana mereka boleh menggunakan MRT untuk perjalanan harian mereka dan tidak perlu lagi memandu pada waktu puncak.

“Keseluruhan Laluan Putrajaya kini siap 99.9% pada akhir Januari 2023, dan dijangka siap keseluruhannya pada bulan Mac. Kontraktor *turnkey* sedang menjalankan penalaan akhir kepada sistem pemantauan minggu ini.

Sementara itu, ujian operasi sedang dijalankan oleh MRT Corp dan Rapid Rail untuk memastikan kestabilan sistem apabila operasi penuh bermula. Tarikh pembukaan akan diumumkan dalam masa terdekat,” kata YB Menteri.

Tambah beliau, apabila operasi penuh Laluan Putrajaya bermula, operasi Fasa Dua akan menyumbang kepada penambahan bilangan penumpang harian di bahagian Fasa Satu.

Pemeriksaan keseluruhan jajaran Laluan Putrajaya selesai sejurus selepas YB Menteri melengkapkan perjalanan pulang ke Stesen MRT Putrajaya Sentral menaiki tren MRT dari Stesen MRT Kwasa Damansara.

Jajaran Fasa Satu Laluan Putrajaya sepanjang 17.5 km yang melibatkan 11 buah stesen dari Stesen MRT Kwasa Damansara ke Stesen MRT Kampung Batu, telah mula memberi khidmat kepada orang ramai sejak 16 Jun 2022.

Sebaik sahaja operasi penuh Laluan Putrajaya bermula, sejumlah 36 buah stesen akan memberi khidmat di sepanjang jajaran 57.7 km ini. Penumpang boleh membuat pertukaran ke laluan rel sedia ada yang lain di 10 stesen pertukaran yang berbeza, memberikan kemudahan dan pertukaran lancar ke destinasi pilihan mereka.

-/tamat-

**Untuk sebarang pertanyaa media, sila hubungi:**

**Cik Amalina Ghazali**  
MRT Corp

**016-2154055 / [amalina.ghazali@mymrt.com.my](mailto:amalina.ghazali@mymrt.com.my)**